





KETUA PENGARAH
Director General
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-88880036
Faks: 603-8888 0840
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: kp@bomba.gov.my



Ruj. tuan:
Ruj. kami: JBPM/IP/KOR:600-1 Jld.3(7)
Tarikh: 5 Mei 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan/Puan,

PERINGATAN: KEPERLUAN KEPUTUSAN PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN DALAM SESUATU DASAR PEMBANGUNAN PINDAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN KESELAMATAN KEBAKARAN, KEBOMBAAN DAN PENGURUSAN KECEMASAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dengan ini diperingatkan kepada semua Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Ketua Unit dan Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan jabatan, bahawa bagi memastikan kelancaran, keharmonian, ketelusan dan ketepatan sesuatu dasar, pembangunan, undang-undang, peraturan dan SOP penting Jabatan berhubung kait dengan keselamatan kebakaran, kebombaan dan pengurusan kecemasan, setiap cadangan pindaan atau perubahan mengenai perkara berkenaan hendaklah dibentang dan dideliberasi secukupnya kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan sebelum ianya diputuskan.

3. Arahan ini dikeluarkan bagi mengelakkan sebarang pertikaian dan kekeliruan serta percanggahan berlaku apabila sesuatu dasar pembangunan atau penguatkuasaan undang-undang/ peraturan dilaksanakan dan bagi menghindari implikasi yang negatif kepada Jabatan dan Kementerian.

Mokliman
Same.

7/7/21

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: RMS 02101



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: RMS 02101

P. B. A.
Mokliman de
Indira Rajaguru
J. M. S.

4. Arahan ini termasuklah sebarang cadangan pindaan atau penggubalan klausa-klausa di dalam **Akta Perkhidmatan Bomba 1988** atau **Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984**, sebelum dimuktamadkan ianya perlu perhatian dan pertimbangan yang khusus, serta terlebih dahulu dibentangkan secara telus kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan.

5. Begitu juga dengan pindaan-pindaan berhubung kait dengan reka bentuk dan aspek pembangunan Balai Bomba dan Penyelamat, kelulusan makmal ujian, kategori bahan, kelulusan sistem komponen pemasangan kebakaran dan pentauliahan produk baharu.


6. Perhatian dan kerjasama YS Dato'/Tuan/Puan terhadap perkara diatas diucapkan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI TS. MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamatan
2. Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
3. Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
4. Pengarah Bahagian Pembangunan
5. Pengarah Bahagian Latihan
6. Pengarah Bahagian Udara
7. Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
8. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
9. Pengarah Pengurusan
10. Pengarah Kejuruteraan Jentera JBPM
11. Ketua Unit Integriti
12. Pengarah JBPM Negeri Perlis
13. Pengarah JBPM Negeri Kedah
14. Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
15. Pengarah JBPM Negeri Perak
16. Pengarah JBPM Negeri Selangor
17. Pengarah JBPM Kuala Lumpur
18. Pengarah JBPM Negeri Melaka
19. Pengarah JBPM Negeri Sembilan
20. Pengarah JBPM Negeri Johor
21. Pengarah JBPM Putrajaya
22. Pengarah JBPM Negeri Pahang
23. Pengarah JBPM Negeri Kelantan
24. Pengarah JBPM Negeri Terengganu
25. Pengarah JBPM Negeri Sarawak
26. Pengarah JBPM Negeri Sabah
27. Pengarah JBPM Labuan